

**DRAF TEKS UCAPAN
YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**Kempen Advokasi Keselamatan
Lebuh Raya Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri**

28 MEI 2019

Lebuh raya Grand Sepadu

Salutasi **tertakluk kepada jemputan VIP:

Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Sr. Aziz Bin Abdullah
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Azman Ismail
Yang DiPertua Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia
(PSKLM)

Dif-dif kehormat, wakil-wakil syarikat konsesi lebuhraya, rakan-rakan media, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) serta Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) kerana sudi menjemput saya untuk melancarkan Kempen Advokasi Keselamatan Lebuhraya Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019 pada hari yang cukup bermakna ini.

STATISTIK SAMAN YANG DIKELUARKAN DAN JUMLAH KEMALANGAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Perayaan Hari Raya Aidilfitri bakal disambut tidak lama lagi. Sebagaimana lazimnya, perayaan ini sentiasa dinanti-nantikan bukan sahaja oleh umat Islam tetapi juga seluruh masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Sudah pasti ramai yang akan pulang ke kampung halaman untuk menyambut hari Raya Aidilfitri bersama keluarga tersayang. Masyarakat Malaysia juga tidak terkecuali untuk memanfaatkan cuti ini sebaiknya untuk pulang menziarahi keluarga di kampung halaman atau bercuti ke pelbagai destinasi pelancongan dalam Negara.

2. Sambutan perayaan-perayaan utama di Malaysia begitu sinonim dengan tragedi kemalangan yang terus menghantui kita semua selaku pengguna. Kajian oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), mendapati 85 peratus kemalangan jalan raya adalah disebabkan kecuaiannya pemanduan oleh pengguna yang tidak berhemah. Sikap pemandu yang enggan mematuhi peraturan serta undang-undang jalan raya terus menjadi perbincangan utama terutamanya ketika musim perayaan. Ini dapat dibuktikan melalui statistik jumlah saman yang dikeluarkan oleh PDRM, sebanyak 201,835 saman dilaporkan telah dikeluarkan oleh pihak Polis ketika Ops Selamat Hari Raya Tahun 2018 atas pelbagai bentuk kesalahan seperti memandu di lorong kecemasan, memotong barisan, memandu melebihi had laju, memotong garisan kembar, tidak mematuhi lampu isyarat, menggunakan telefon bimbit ketika memandu dan lain-lain. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding Ops Selamat Hari Raya pada tahun 2017 di mana sebanyak 159,249 saman telah dikeluarkan atas kesalahan-kesalahan yang sama.

3. Di samping itu, dalam tempoh yang sama, statistik kemalangan di lebuhraya bagi Ops Selamat ke 13 sempena Hari Raya Aidilfitri tahun 2018 mencatatkan jumlah kemalangan sebanyak 895 kes berkurangan

sebanyak 11.5 peratus berbanding pada Ops Selamat ke 11 pada tahun 2017 iaitu sebanyak 1011 kes manakala jumlah kematian juga berkurangan sebanyak 29 peratus dari 31 kes dalam Ops Selamat ke 13 kepada 22 kes untuk Ops Selamat ke 11 tahun 2017.

4. Kita mendapati terdapat trend positif pengurangan jumlah kemalangan dan kemalangan maut pada tahun sebelum ini. Keadaan ini diharapkan akan berterusan untuk masa-masa yang akan datang supaya rakyat dapat menikmati perjalanan yang selamat semasa membuat perjalanan balik kampung menggunakan lebuh raya pada musim perayaan. Kita telah mengadakan banyak kempen-kempen keselamatan supaya pengguna-pengguna jalan raya sedar akan kepentingan untuk menjaga keselamatan diri sendiri, keluarga dan juga orang lain semasa memandu kenderaan. Kesedaran inilah yang akan mengubah kejayaan kita dalam mengurangkan kemalangan dan menggambarkan keberhasilan serta impak kempen-kempen yang telah dijalankan oleh semua pihak. Saya yakin dan percaya bahawa ini bukanlah satu yang mustahil untuk terus dicapai dengan penglibatan pragmatik dan signifikan daripada semua pihak yang terlibat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Bagi jumlah kemalangan keseluruhan semasa musim perayaan lepas, kita dapati pengguna motosikal masih lagi mendahului kenderaan lain yang menjadi mangsa dalam kemalangan sepanjang musim perayaan lepas dan merupakan mangsa utama yang terkorban. Berdasarkan data kemalangan Jabatan Keselamatan Jalan raya Malaysia (JKJR), kumpulan umur dari 16 tahun sehingga 25 tahun merupakan kumpulan terbesar yang terlibat di dalam kemalangan maut melibatkan

motosikal. Jumlah kemalangan motosikal di lebuhraya juga agak tinggi dengan 23 kematian sepanjang Ops Selamat ke 13 yang lepas iaitu sebanyak 78 peratus dari keseluruhan kemalangan yang melibatkan jenis kenderaan di lebuhraya. Di sini, kita dapat lihat bahawa penunggang dan pembonceng motosikal sememangnya adalah pengguna jalan raya yang paling berisiko terlibat dalam kemalangan jalan raya yang boleh menyebabkan maut.

6. Justeru, saya menyeru kepada semua pihak berkenaan agar memberikan fokus dalam bentuk intervensi khusus kepada golongan muda yang menunggang motosikal di mana mereka merupakan aset kepada Negara, dan jika langkah segera tidak diambil, saya yakin dan percaya kita akan terus kehilangan tenaga kerja dan sumber manusia yang paling dinamik untuk pembangunan Negara. Kepada pengguna motosikal saya ingin menasihatkan supaya menungganglah dengan selamat dan mematuhi peraturan jalan raya, lakukan perjalanan pada waktu siang hari, pakai pakaian yang cerah atau pantul cahaya supaya senang dilihat oleh kenderaan lain. Pastikan penunggang motor mempunyai rehat yang cukup serta kenderaan juga dalam keadaan baik supaya perjalanan mereka lebih selamat.

TANGGUNGJAWAB DAN SIKAP PENGGUNA JALAN RAYA / LEBUHRAYA

Hadirin sekalian,

7. Walaubagaimanapun, segala usaha pembangunan infrastruktur selamat, langkah-langkah pencegahan kemalangan atau langkah intervensi yang dijalankan oleh Kerajaan tidak akan berjaya mencapai

sasaran sekiranya tiada sokongan dan komitmen daripada pengguna. Ini kerana daripada analisa yang telah dirumuskan sebelum ini, faktor penyumbang terbesar kemalangan jalan raya atau lebuhraya, ialah manusia, iaitu melebihi daripada 80 peratus. Oleh itu pemandu kenderaan perlu mengambil perhatian untuk memastikan keselamatan adalah satu tanggungjawab yang perlu dijaga untuk keselamatan bersama.

8. Kini, sudah tiba masanya kita sebagai rakyat Malaysia memainkan peranan yang lebih proaktif dan lebih rasa bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain. Kita perlu bertanya pada diri sendiri: “apakah sumbangan saya terhadap keselamatan jalan raya?” Hanya kitalah sebagai individu dapat menjawab soalan ini.

KOMITMEN KEMENTERIAN KERJA RAYA TERHADAP PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR YANG SELAMAT UNTUK PENGGUNA LEBUHRAYA

Hadirin yang dihormati,

9. Justeru sebagai usaha untuk mengurangkan jumlah statistik kemalangan yang direkodkan sebelum ini, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui LLM memastikan pembaikan kawasan yang kerap berlaku kemalangan atau blackspot perlu dibuat pembaikan dengan cepat. Ini dibuktikan dengan perbelanjaan sebanyak RM 1.3 Juta bagi pelaksanaan kerja kerja intervensi bagi lokasi blackspot di lebuhraya pada tahun 2018. Penambahbaikan yang dijalankan ini telah berjaya mengurangkan kemalangan sebanyak 54 peratus kemalangan di lokasi berkenaan.

10. Di samping itu, syarikat – syarikat konsesi sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan bagi mengurangkan kemalangan di lebuh raya masing-masing dengan menggunakan kaedah yang tekini seperti penambahan peralatan ‘safety measure’ seperti pemasangan papan tanda LED, penggunaan turapan jenis ‘micro surfacing’, ‘porous asphalt, pemasangan ‘rolling barrier’ di kawasan selekoh dan sebagainya.

11. LLM dan syarikat-syarikat konsesi juga menjalinkan kerjasama dengan pihak berkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Pasukan Polis untuk membantu menguatkuasa undang-undang terutamanya dalam menangani masalah kenderaan berat yang lebih muatan. Kerjasama ini antaranya termasuklah penyediaan kenderaan peronda kepada JPJ dan polis bagi tujuan rondaan lebuh raya, penyediaan mesin timbang bergerak (Weight in motion) dan pemasangan kamera pengawasan di lokasi strategik dan kerap kemalangan. Kerjasama seperti ini akan terus digiatkan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan di lebuh raya kita.

PENINGKATAN BILANGAN TRAFIK DAN KENDERAAN DI MUSIM PERAYAAN

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Bagi musim sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, kita menjangkakan berlaku kesesakan di beberapa lokasi tertentu disebabkan oleh pertambahan kenderaan di jalan raya pada pada waktu puncak pergerakan kenderaan balik kampung dan pulang semula ke rumah.

13. Justeru, bagi menampung pertambahan jumlah trafik yang tinggi ini, LLM dan PDRM dengan kerjasama syarikat-syarikat konsesi lebuhraya seluruh negara telah bersedia untuk membantu pengguna dengan langkah-langkah proaktif dalam melancarkan aliran trafik dan memastikan keselamatan mereka sewaktu musim perayaan nanti. Antaranya:

- Menyediakan lebih 1500 orang petugas pasukan tindakan kecemasan terdiri dari anggota kerja dari pasukan Bomba, Ambulans, JPAM, St John Ambulans, petugas trafik, petugas tol di kawasan rehat dan rawat yang terpilih;
- Menempatkan anggota pasukan PDRM dan RELA di kawasan lalulintas di plaza tol dan kawasan Rehat & Rawat (R&R) untuk tujuan kawalan trafik dan keselamatan;
- Menempatkan kren dan kembalikan (tow-truck) di lokasi-lokasi strategik bagi proses pemindahan kenderaan yang rosak atau yang terlibat dengan kemalangan;
- Mengaktifkan laluan contra flow di beberapa lokasi lebuhraya yang sesak dengan kerjasama Polis Di Raja Malaysia (PDRM); dan
- Menyediakan maklumat cadangan nasihat perjalanan kepada pengguna Lebuhraya Utara – Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur supaya pengguna dapat merancang perjalanan mereka.

14. Seperti biasa, pengguna boleh mendapatkan maklumat trafik terkini dan lain-lain pertanyaan daripada pusat pengurusan trafik (TMC) LLM yang akan beroperasi 24 jam sehari sepanjang musim perayaan untuk

perancangan perjalanan. Mereka juga boleh menghubungi pusat kawalan trafik lebuhraya - lebuhraya yang mereka gunakan untuk tujuan yang sama. Maklumat mengenai perkembangan trafik terkini di semua kawasan yang terlibat akan disampaikan kepada pengguna bagi membolehkan mereka membuat pilihan perjalanan yang lebih strategik.

ARAHAN HENTI KERJA DAN LARANGAN PENGGUNAAN KENDERAAN BERAT

Untuk makluman hadirin yang dihormati,

15. Pihak LLM juga telah mengeluarkan arahan henti kerja (stop work order) bagi kerja-kerja penyenggaraan di laluan utama lebuhraya kecuali melibatkan kerja-kerja kecemasan sahaja untuk tempoh 15 hari iaitu bermula daripada 29 Mei sehingga 13 Jun 2019. Langkah ini dapat mengurangkan kesesakan di lebuhraya yang disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan melibatkan laluan utama.

16. Pada masa yang sama juga, pelaksanaan larangan penggunaan kenderaan berat di jalan dan lebuhraya akan dikuatkuasakan oleh pihak JPJ selama 5 hari iaitu pada 1 hingga 3 Jun sebelum, juga 8 dan 9 Jun selepas perayaan, kerana dijangka akan berlaku peningkatan trafik pada hari-hari tersebut.

DISKAUN TOL SEMPENA MUSIM PERAYAAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Syarikat konsesi lebuhraya sentiasa melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Dan Korporat (CSR) kepada masyarakat. Antara program yang dilaksanakan adalah pemberian diskaun tol kepada pengguna lebuhraya di musim perayaan. Program pemberian diskaun tol kepada pengguna lebuhraya ini telah mula dilaksanakan oleh syarikat konsesi bermula pada tahun 2010, dengan kadar diskaun tol di antara 5 peratus sehingga 100 peratus.

18. Bagi tahun 2019, sebanyak 23 lebuhraya telah bersetuju untuk memberikan diskaun tol kepada kenderaan kelas 1 pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri dengan kadar di antara 10 peratus sehingga 33 peratus. Manakala sebanyak tiga (3) lebuhraya hanya memberikan diskaun tol di plaza tol tertentu seperti berikut:

- i. Plaza Tol Ampangan, Lebuhraya Kajang – Seremban (LEKAS);
- ii. Plaza Tol Pulau Indah, Lebuhraya Lembah Kelang Selatan (SKVE); dan
- iii. Plaza Tol Perling dan Plaza Tol Lima Kedai, Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia Singapura (LINKEDUA).

19. Melalui insentif di bawah Program CSR ini, saya percaya pengguna akan turut merasa dihargai oleh syarikat konsesi khususnya bagi pengguna yang kerap menggunakan lebuhraya mereka.

HARAPAN DAN UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

Hadirin yang saya hormati sekalian,

20. Besarlah harapan saya dan Kerajaan sekiranya kita mampu membuat perubahan dan menjadikan jalan raya dan lebuhraya kita

tempat yang selamat, apabila pengguna masing-masing faham akan tanggungjawab mereka dan mengamalkan sikap pemanduan yang berhemah. Sikap pengguna jalan raya dan lebuhraya yang prihatin akan dapat mengurangkan kadar kemalangan dan kita semua dapat menyambut perayaan Hari Raya ini dalam keriang dan bukannya tangisan.

21. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua jemputan yang hadir pada Majlis Pelancaran Kempen Advokasi ini. Semoga mereka yang ingin pulang ke kampung halaman masing-masing selamat tiba di destinasi yang dituju.

22. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada LLM, PSKLM, PDRM dan agensi awam dan swasta yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kempen keselamatan ini.

PENUTUP

Akhir kata, saya dengan sukacitanya melancarkan Kempen Advokasi Keselamatan Lebuhraya Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.